

PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENYERTAAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Anuar Din

Mohamad Nizam Hj. Nazarudin

Malinjah Binti Mahsar

Universiti Malaysia Sabah

Prof. Madya Dr. Mohd. Sofian Omar Fauzee,

Marjohan Jamalis

Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum sekolah yang penting dalam memberi sumbangan terhadap penyuburan fizikal, mental, emosi dan sosial pelajar. Kejayaan pelaksanaannya di sekolah-sekolah bergantung kepada pengurusan yang sistematik, berkesan dan cemerlang daripada guru-guru dan penglibatan pelajar. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti hubungan antara pengurusan kokurikulum yang sistematik dalam kalangan guru-guru dapat menarik minat pelajar untuk menyertai kegiatan kokurikulum. Dua set soal selidik digunakan untuk mendapatkan data secara sistematik yang melibatkan 120 orang guru dan 180 orang pelajar tingkatan empat daripada enam buah sekolah yang terdapat di Daerah Kota Kinabalu. Data dianalisis menggunakan program SPSS. Statistik yang digunakan ialah statistik deskriptif dan inferensi. Untuk menguji hipotesis, analisis ujian t dan kolerasi Pearson digunakan. Keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan terdapatnya hubungan yang sangat memuaskan dan signifikan antara sistem pengurusan kokurikulum di sekolah dengan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru-guru ($r = 0.837$, $p < 0.05$). Namun penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum masih lagi pada tahap yang lemah ($r = -0.042$, $p > 0.05$). Ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor lain dan bukan disebabkan oleh pengurusan kokurikulum yang tidak baik. Berasaskan dapatan ini dicadangkan pihak pengurusan sekolah dapat membuat penambahbaikan. Cadangan seterusnya, diharapkan kajian seperti ini dapat

dilakukan lagi untuk memantapkan pengurusan kokurikulum sekolah pada masa depan.

Pendahuluan

Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), pemantapan program kokurikulum turut sama diutamakan di samping usaha membangunkan modal insan yang berkualiti, seterusnya meningkatkan keupayaan serta minat menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran selain menguasai akademik yang baik di kalangan pelajar. Ini kerana kokurikulum dapat membantu pendidikan holistik dari segi peningkatan perkembangan kemahiran sosial pelajar dan mengukuhkan interaksi dan integrasi dalam kalangan mereka, melengkapkan pelajar dengan sifat kecemerlangan diri seperti kepimpinan, daya saing, jati diri, kreatif, kritis, berkeyakinan tinggi dan daya tahan, dan seterusnya meningkatkan tahap disiplin.

Oleh itu, pelaksanaan kokurikulum yang telah diwajibkan perlu diperkukuhkan lagi kerana kurangnya penekanan daripada pihak sekolah. Menurut Abu Bakar Nordin (1991) dalam Sofian (2003) kokurikulum merupakan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan dilakukan di luar bilik darjah. Aktiviti-aktiviti ini meliputi bidang sukan dan permainan, badan uniform dan juga aktiviti kelab serta persatuan. Aktiviti kokurikulum di sekolah bukanlah merupakan satu bidang pendidikan baru malah program ini telah diperuntukkan dalam Peraturan yang dikenali sebagai kegiatan luar darjah. Adnan Kamis (1989) dalam Kursus Pengajian, Akta Pelajaran 1956 Sofian (2002) menyatakan kokurikulum dapat memberi banyak manfaat dan kepentingan kepada pelajar. Kokurikulum merupakan satu saluran yang menggalakkan perkembangan bakat dan sifat kreativiti pelajar.

Walau bagaimanapun, kemantapan pelaksanaan kokurikulum di sekolah adalah bergantung kepada pengurusan pihak sekolah khususnya guru yang melaksanakannya. Pengurusan yang baik dilakukan akan dapat mencapai apa yang dihasratkan oleh semua pihak sama ada kerajaan, ibu bapa dan pelajar. Lebih-lebih lagi sekarang ini, Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan borang penilaian yang standard bagi meminimumkan ketidakseragaman pemberian markah kokurikulum kepada pelajar.

Kepentingan Kajian

Program kokurikulum pada dasarnya bukanlah satu konsep yang terpisah daripada kurikulum kerana program ini merupakan aktiviti amali dan lanjutan kepada mata pelajaran yang diajar dalam kelas. Apa yang membezakan konsep kokurikulum dan kurikulum ini sebenarnya ialah tanggapan masyarakat sekeliling iaitu pelajar, guru, institusi pendidikan dan juga komuniti masyarakat. Oleh yang demikian pelbagai pelaksanaan telah dijalankan oleh pihak-pihak tertentu agar aktiviti kokurikulum ini tidak dipandang remeh atau dijalankan secara sambil lewa oleh sekolah atau institusi pendidikan.

Namun, perkara yang menjadi isu dewasa ini ialah adakah setiap program kokurikulum yang dirancang dan yang sudah terlaksana di sekolah-sekolah dapat menarik minat semua kumpulan sasaran untuk menyertainya? Melihat kepada gejala sosial yang semakin hari parah melanda remaja hari ini, pihak yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan program tersebut perlu lebih prihatin dan berpandangan lebih agresif, supaya aktiviti kokurikulum yang dicanangkan untuk memenuhi keperluan masa senggang pelajar akan mencapai objektif dan memberi keberkesanan yang paling maksimum (Adnan Kamis, 1988 dalam Sofian, 2002).

Selain itu, menurut Komala Dewi, Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran Malaysia, pihaknya telah melakukan penyelarasan pertama penilaian 10 peratus markah kokurikulum bagi seramai 359,607 calon SPM dan 59,350 calon STPM daripada 2 kategori yang tersebut di atas dan didapati masih terdapat seramai 13,696 calon SPM (3.8 peratus) dan 2,750 (4.6 peratus) calon STPM memperolehi markah kosong atau tiada markah.

Oleh itu, penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sekolah kurang menggalakkan. Adakah ini disebabkan pengurusan kokurikulum di sekolah kurang memuaskan atau kurang keprihatinan pihak sekolah sehingga mengakibatkan markah kokurikulum yang diperolehi oleh pelajar ada yang kosong peratus. Sekiranya, perkara ini yang sedang berlaku di sekolah-sekolah menengah maka dapatlah dirumuskan bahawa kegiatan kokurikulum kurang dititikberatkan dan ada sesetengah sekolah hanya melepaskan batuk di tangga sahaja. Lagipun, kegiatan

kokurikulum ini dianggap sebagai membuang masa dan hanya dijalankan apabila masa terluang tanpa melihat akan objektif kewujudanya.

Penyataan Masalah

Dengan menekankan kehadiran pelajar, secara tidak langsung penyertaan pelajar adalah amat digalakkan dalam kegiatan kokurikulum. Seperti yang kita ketahui tanpa penyertaan pelajar, keberkesanan kegiatan kokurikulum tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik. Dalam usaha menarik penyertaan pelajar supaya melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum secara tidak langsung ianya bergantung kepada pengurusan kokurikulum yang dijalankan di sekolah-sekolah. Kekeliruan pihak sekolah khususnya, guru yang mengurus kokurikulum sebagai sebahagian daripada proses pendidikan adalah salah satu daripada pelbagai faktor yang menyebabkan pelaksanaannya di sekolah-sekolah kurang memberangsangkan. Ini secara tidak langsung juga mempengaruhi penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum di sekolah.

Penempatan guru-guru yang tidak mahir dan kurang berpengetahuan dalam aktiviti kokurikulum tertentu, mengakibatkan penurunan kadar penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Selain itu, penyertaan kurang daripada pelajar dalam kegiatan kokurikulum disebabkan pengurusan kokurikulum yang kurang kemas kerana guru-guru penasihat yang terlibat adalah bukan guru terlatih dan tidak mahir serta kurang berpengetahuan akan aktiviti kokurikulum yang dijalankan.

Alasan lain yang menyebabkan kurang penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum adalah ada antara alasan guru yang tidak bergiat dalam aktiviti kokurikulum disebabkan guru merasakan kokurikulum membuang masa pelajar, guru dan pelajar tinggal jauh dari sekolah, terlalu banyak tanggungjawab yang dikendalikan oleh mereka dan ada juga guru yang merasakan mereka kurang pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang ditugaskan.

Persoalannya sekarang ialah bagaimanakah pengurusan kokurikulum di sekolah dapat menarik minat dan seterusnya dapat meningkatkan penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum di sekolah? Ini kerana penyertaan pelajar dalam kokurikulum bukan sahaja wajib tetapi kini akan diambil kira 10 peratus untuk kemasukan ke IPTA.

Objektif Kajian

Objektif kajian yang diutarakan adalah seperti berikut :

- a. Menenal pasti sistem pengurusan kokurikulum (perancangan, pengelolaan/pelaksanaan, kepimpinan, dan pengawalan/penilaian) yang dilaksanakan di sekolah mempengaruhi pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru.
- b. Menenal pasti bagaimana guru melaksanakan pengurusan kegiatan dan aktiviti kokurikulum di sekolah.
- c. Menenal pasti pengurusan kokurikulum di dalam kalangan guru dapat meningkatkan penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum di sekolah.
- d. Menenal pasti penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum di sekolah.

Hipotesis Kajian

- 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam sistem pengurusan kokurikulum di sekolah dengan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru.
- 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan kokurikulum yang baik dengan penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum.
- 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi penyertaan pelajar terhadap kegiatan kokurikulum yang disertai dengan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru.

- 4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru dengan persepsi guru terhadap penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum.

Kajian Literatur

Dalam penyelidikan ini, teori pengurusan digunakan sebagai panduan dalam penyelidikan. Hal ini kerana, dalam melaksanakan kegiatan kokurikulum sekolah ia memerlukan pengurusan yang sistematik agar kegiatan atau aktiviti kokurikulum yang dijalankan akan lancar dan teratur. Oleh itu, aspek pengurusan amat penting bagi memastikan pelaksanaan kokurikulum di sekolah akan lebih lancar dan dapat menarik dan meningkatkan penyertaan pelajar.

Dalam kajian ini teori yang dianggap sesuai ialah Teori Pendekatan Pengurusan Saintifik, Teori Pendekatan Hubungan Manusia dan Teori Jangkaan dilihat lebih relevan dengan kajian ini. Dalam Pendekatan Pengurusan Saintifik diasaskan oleh Taylor (1856-1915). Menurut Taylor terdapat tiga prinsip asas untuk meningkatkan produktiviti pekerja (Ab. Aziz Yusof, 2002). Prinsip pertama ialah memberi pekerja satu tugas jelas untuk melaksanakan dalam masa dan cara yang telah ditentukan. Prinsip kedua ialah memilih pekerja yang paling sesuai dengan tugas dan prinsip ketiga ialah memotivasikan pekerja untuk mencapai hasil yang maksimum (Hanafiah, 1990)

Berdasarkan teori ini, setiap pelaksanaan kegiatan kokurikulum memerlukan guna tenaga iaitu tenaga pengajar atau guru penasihat yang mencukupi keperluan sekolah. Akibat kekurangan tenaga guru penasihat dalam kokurikulum telah menyebabkan pelaksanaan kokurikulum tidak berjalan dengan lancar dan berlakunya kes seorang guru memegang beban tugas yang banyak. Misalnya dialah juga guru penasihat pengakap, dia juga ketua bidang dan sebagainya. Ini secara tidak langsung guru tidak dapat melaksanakan tugasnya dengan efektif. Apabila situasi ini berlaku, ianya juga memberi kesan kepada pengurusan yang lain khususnya dalam pengurusan kokurikulum. Manakala Teori Pendekatan Hubungan Manusia yang dipopularkan oleh Massry Parker Follet, seorang warganegara Amerika (1868-1933) menunjukkan bahawa seorang pengurus tidak seharusnya mementingkan hasil

pengeluaran semata-mata tanpa menimbangkan tenaga yang mengeluarkan hasil itu, iaitu manusia itu sendiri. Teori ini disokong oleh Elton Mayo (Abdul, 1991).

Teori Jangkaan (Vroom, 1964) pula adalah berkaitan dengan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Teori ini menerangkan mengapa ramai pelajar tidak bermotivasi dalam kegiatan kokurikulum dan hanya memberikan usaha yang minimum. Hal ini dapat dilihat melalui tiga hubungan teori dengan lebih mendalam. Pertama jika murid memberikan usaha yang maksimum adakah ini akan diambil kira dalam penilaian prestasi mereka. Mungkin jawapan kebanyakan murid adalah tidak kerana tahap kemahiran mereka tidak mencukupi. Ini bermakna tidak kira berapa rajin mereka mencuba, mereka tidak akan menjadi murid yang berprestasi tinggi. Sistem penilaian prestasi dalam sekolah mungkin direka untuk menilai faktor bukan prestasi seperti kesediaan, inisiatif atau keberanian. Justeru berusaha dengan lebih kuat tidak semestinya akan membawa kepada penilaian yang baik.

Model Kajian

Bagi melaksanakan kajian terhadap pengurusan kokurikulum dan hubungannya dengan penyertaan pelajar sekolah menengah, maka kajian ini menggunakan model yang berorientasikan perancangan strategik. Berdasarkan model pengurusan strategi tersebut, proses Perancangan Strategik haruslah bermula dengan pernyataan misi dalam kokurikulum sekolah selain dari misi sekolah yang sebenarnya. Dalam Perancangan Strategi ia menggunakan analisis Kekuatan, Kelemahan, Ancaman dan Peluang (KLAP) yang dikenali juga sebagai teknik Matrik KLAP Strength, Weakness, Opportunity and Threat (SWOT). Teknik analisis KLAP cuba mengenal pasti faktor dalaman iaitu kekuatan dan kelemahan serta faktor ancaman dan peluang terhadap pelaksanaan dan pencapaian matlamat pelaksanaan kokurikulum di sekolah. Hal ini pastinya dapat membantu dalam mengatasi segala kelemahan dan ancaman yang wujud. Analisis SWOT secara mudahnya dapat dinyatakan sebagai mengukur kekuatan dan kelemahan dalaman sesebuah organisasi atau sekolah. Selain itu, analisis SWOT juga melihat peluang dan ancaman yang berada di luar lingkungan sekolah

tersebut. Menurut Bertol, 1999 (Mohd. Rais, 2001), analisis SWOT merupakan langkah awal dalam proses membuat keputusan serta menjadi panduan dalam menentukan alternatif-alternatif strategi yang berkesan.

Zainal Abidin (1999) menjelaskan bahawa analisis SWOT dapat dijadikan panduan serta membantu perancang strategi melahirkan idea-idea yang efektif untuk menangani persoalan dan permasalahan yang dihadapi oleh organisasi berkenaan. Dalam hal ini analisis SWOT merupakan tinjauan awal yang dilakukan sebelum sesebuah sekolah menentukan alternatif strategi yang berkesan untuk menjayakan sesuatu program yang dirancang. Analisis SWOT juga membantu pihak sekolah khususnya dalam pengurusan kokurikulum merangka strategi yang berkesan sebagai alternatif strategi melaksanakan program bagi mencapai visi sekolah khususnya yang berkaitan dengan kokurikulum.

Kajian Lepas

Kajian-kajian yang dilakukan oleh Jawatankuasa Mengkaji Dasar Pelajaran 1979, Asiah Abu Samah (1985), Haji Hussin Mahmood (1985), Haji Razali Ismail (1992), Annamalai (1994) serta Abd. Alim Rahim (1988 dan 2000) dalam Abd. Alim Rahim (2004) telah cuba melihat kepentingan pelaksanaan, keberkesanan dan masalah yang dihadapi, pengurusan kurikulum serta masalah penyertaan pelajar di sekolah.

1. Penglibatan pelajar aktif dalam kokurikulum hanya tertumpu pada bidang tertentu seperti melibatkan diri secara aktif dalam bidang persatuan dan kelab.
2. Penyertaan pelajar dalam kokurikulum bergantung kepada peraturan sekolah yang dilaksanakan. Kebanyakan sekolah telah mewajibkan setiap pelajar menyertai kokurikulum. Di samping itu, terdapat beberapa faktor lain yang menentukan penyertaan pelajar seperti :
 - a. minat pelajar
 - b. guru yang terlatih dalam kokurikulum

- c. galakan dan dorongan daripada pihak sekolah
 - d. kejayaan pelajar terdahulu dalam kokurikulum
 - e. penglibatan aktif guru dalam kokurikulum
 - f. kemudahan fizikal dan kewangan sekolah, serta
 - g. sikap dan sokongan ibu bapa
3. Kebanyakan pelajar menyatakan ibu bapa dan penjaga menggalakkan mereka menyertai kokurikulum dengan alasan anak mereka dapat bergaul dengan pelajar lain dan dapat menambahkan pengetahuan serta pengalaman dan mengisi masa lapang dengan berfaedah.
 4. Sebahagian besar pelajar menyatakan penyertaan mereka dalam gerak kerja kokurikulum tidak mengganggu atau menjejaskan pencapaian mereka dalam akademik.
 5. Kebanyakan sekolah melaksanakan kokurikulum pada semester pertama persekolahan. Pada semester kedua, tumpuan diberikan kepada peperiksaan.

Hussien (1985) juga menyatakan pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah banyak bergantung kepada penekanan sekolah dan tradisi yang diamalkan oleh sesebuah sekolah. Terdapat sekolah yang mempunyai tradisi kokurikulum yang baik dan perjalanan aktivitinya adalah dirancang dengan teratur. Terdapat juga yang tiada langsung menjalankan kegiatan tersebut.

Untuk mempertingkatkan kokurikulum di sekolah-sekolah Abu Bakar Nordin (1991), menyatakan bahawa penyertaan para guru adalah sangat penting. Guru amat diperlukan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan kokurikulum sekolah. Sekolah-sekolah hendaklah menggalakkan pelajarnya mengambil bahagian dalam membuat kerja-kerja amal untuk masyarakat setempat.


Lim Yen Yen (1991) dalam Mohd. Sofian (2000) menyatakan para remaja masih kurang memberi perhatian kepada kegiatan sukan walaupun ia banyak membawa manfaat. Faktor utama ialah

kurangnya semangat kesukanan dan ada di antara mereka yang menganggap sukan kurang penting berbanding pelajaran dan hiburan.

Kerangka Konsep

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah reka bentuk kajian kolerasi iaitu menyiasat setakat mana variasi dalam dua faktor berasaskan pekali kolerasi. Misalnya, kajian ini cuba mengenal pasti ada atau tiada hubungan yang signifikan antara pengurusan kokurikulum guru-guru sekolah menengah dengan penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Penyelidik juga menggunakan alat statistik untuk analisis data statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan juga statistik inferensi seperti Ujian-t dan Kolerasi Pearson. Pemilihan alat statistik ini adalah berdasarkan pengujian hipotesis kajian yang menggunakan skala pengukuran nominal, ordinal dan sela.



Rajah 2.4 Kerangka Kajian

Subjek Kajian

Terdapat dua kumpulan subjek kajian iaitu pertama terdiri daripada guru-guru sekolah menengah di Daerah Kota Kinabalu. Seramai 120 orang guru telah dipilih dan tidak mengambil kira keseimbangan antara guru-guru lelaki dan perempuan. Pemilihan subjek oleh penyelidik juga dengan beranggapan guru-guru tersebut terlibat dengan pengurusan dan kegiatan kokurikulum di sekolah sama ada sebagai guru penasihat, penolong guru penasihat atau ahli jawatankuasa dalam kategori kokurikulum yang mereka sandang. Manakala subjek kajian kedua ialah terdiri daripada pelajar Tingkatan Empat yang belajar di sekolah menengah Daerah Kota Kinabalu. Pemilihan subjek juga diambil secara rawak mudah dan tidak dapat mengambil kira keseimbangan antara pelajar-pelajar mengikut jantina. Penyelidik juga beranggapan pelajar-pelajar ini telah melibatkan diri dengan kegiatan dan aktiviti kokurikulum sejak mereka di tingkatan satu lagi.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik. Soal selidik ditadbir menggunakan skala Likert yang mempunyai pilihan nombor yang genap, iaitu empat pilihan. Skala ini dipilih kerana skala Likert pilihan genap tidak mempunyai titik tengah yang neutral (Chua Yan Piaw, 2006). Cara ini juga dapat mengelakkan responden memberi pendapat yang neutral antara dua pernyataan ekstrem, iaitu sangat setuju dan sangat tidak setuju. Instrumen kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini mengandungi dua set borang soal selidik.

Kajian Rintis

Kebolehpercayaan alat kajian diuji dengan menggunakan nilai *Alpha Cronbach* di dalam SPSS. Untuk menguji kesahan soal selidik, satu kajian rintis telah diadakan di sebuah sekolah menengah Daerah Kota Kinabalu yang melibatkan seramai 27 orang guru penasihat kokurikulum serta 40 orang pelajar Tingkatan Empat sebagai sampel kajian. Pekali kebolehpercayaan bagi soal selidik yang mengandungi bahagian pengurusan kokurikulum

melibatkan lima bahagian iaitu bahagian tahap pengetahuan guru dalam pengurusan kokurikulum (0.8635), bahagian sistem pengurusan kokurikulum di sekolah pula melibatkan empat bahagian iaitu perancangan ialah 0.8674, bahagian pengelolaan dan pelaksanaan ialah 0.7014, bahagian kepimpinan ialah 0.9434 dan bahagian pengawalan dan penilaian ialah 0.8999. Dalam bahagian pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru ialah 0.9288, bahagian persepsi guru terhadap penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum ialah 0.7474, dan bahagian kepuasan kerja guru dalam mengendalikan kegiatan kokurikulum ialah 0.8877.

Pekali kebolehpercayaan bagi soal selidik bahagian berkaitan dengan penyertaan pelajar Tingkatan Empat dalam kegiatan kokurikulum di sekolah yang melibatkan bahagian penyertaan pelajar dalam kokurikulum ialah 0.6716, dan bahagian persepsi pelajar terhadap pengurusan aktiviti kokurikulum yang disertai ialah 0.8526.

Dapatan Kajian

Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Sistem Pengurusan Kokurikulum Di sekolah Dengan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru (H_{01})

Jadual 13.1

Analisis Kolerasi Pearson Hubungan Antara Sistem Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Dengan Pengurusan Kokurikulum Dalam kalangan Guru

		Sistem Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah	Pengurusan kokurikulum Dalam kalangan Guru
Sistem Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah	Pearson Correlation Sig. (2- tailed) N		.837** .000 120
Pengurusan kokurikulum Dalam kalangan Guru	Pearson Correlation Sig. (2- tailed)	.837** .000	

Aras Signifikan $p < 0.05$

Untuk menguji hipotesis ini ujian kolerasi Pearson digunakan. Min sistem pengurusan kokurikulum di sekolah ($\text{min}=3.000$) dengan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru ($\text{min}=3.131$). Nilai perbezaan min ialah 0.131. Manakala Jadual 13.1, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ($r = 0.837$, $p < 0.05$) antara sistem pengurusan kokurikulum di sekolah dengan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru. Ini juga menunjukkan terdapat hubungan yang sangat kuat. Oleh itu, H_{06} di tolak iaitu terdapatnya hubungan yang signifikan antara pengurusan kokurikulum di sekolah dengan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru.

Tidak Terdapatnya Hubungan Yang Signifikan Antara Pengurusan Kokurikulum Yang Baik Dengan Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum (H_{02})

Jadual 13.2

Analisis Kolerasi Pearson Hubungan Antara Pengurusan Kokurikulum Yang Baik Dengan Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum

		Pengurusan Kokurikulum Yang Baik Dalam kalangan Guru	Penyertaan Pelajar Dalam kegiatan Kokurikulum Pengurusan Kokurikulum
Pengurusan Kokurikulum Yang Baik Dalam kalangan Guru	Pearson Correlation Sig. (2 -tailed) N		-.042 120
Penyertaan Pelajar Dalam kegiatan Kokurikulum	Pearson Correlation Sig. (2- tailed) N	-.042 .651 120	

Aras Signifikan $p > 0.05$

Untuk menguji hipotesis ini ujian kolerasi digunakan. Min bagi pengurusan kokurikulum yang baik dalam kalangan guru ($\text{min}=3.131$) dengan penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum ($\text{min}=2.705$). Nilai perbezaan min ialah 0.43. Berdasarkan Jadual 13.2 dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan ($r = -.042$, $p > 0.05$) antara pengurusan kokurikulum yang baik dalam kalangan guru dengan penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Ini menunjukkan, hubungan ini adalah satu hubungan yang lemah. Oleh itu, ini menunjukkan H_{07} diterima iaitu tidak wujud hubungan yang signifikan antara pengurusan kokurikulum yang baik dengan penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan kokurikulum yang baik dalam kalangan guru tidak mempengaruhi pelajar menyertai kegiatan kokurikulum. Keadaan ini kerana terdapat faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan pelajar dan faktor pengurusan kokurikulum yang baik.

Tidak Terdapatnya Hubungan Yang Signifikan Antara Persepsi Penyertaan Pelajar Terhadap Kegiatan Kokurikulum Yang Disertai Dengan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru (HO3)

Jadual 13.3

Analisis Kolerasi Pearson Hubungan Antara Persepsi Penyertaan Pelajar Terhadap Kegiatan Kokurikulum Yang Disertai Dengan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru

		Pengurusan Kokurikulum Dalam kalangan Guru	Persepsi Pelajar Terhadap Pengurusan dan Pengendalian Kegiatan Kokurikulum Yang Disertai
Pengurusan Kokurikulum Dalam kalangan Guru	Pearson Correlation Sig. (2 -tailed) N		.115 .212 120
Persepsi Pelajar Terhadap Pengurusan dan Pengendalian Kegiatan Kokurikulum Yang Disertai	Pearson Correlation Sig. (2- tailed) N	-.115 .212 120	

Aras Signifikan $p > 0.05$

Untuk menguji hipotesis ini ujian kolerasi Pearson digunakan. Min persepsi pelajar terhadap pengurusan kokurikulum yang disertai (min=2.710) dan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru (min=3.131). Nilai perbezaan min adalah sebanyak 0.421. Dapatan kajian berdasarkan Jadual 13.3 menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan ($r = 0.115$, $p > 0.05$) antara persepsi penyertaan pelajar terhadap pengurusan dan pengendalian kokurikulum yang disertai dengan pengurusan kokurikulum

dalam kalangan guru. Oleh itu, H_{08} diterima iaitu tidak wujud persepsi penyertaan pelajar terhadap pengurusan dan pengendalian kokurikulum yang disertai dengan pengurusan dalam kalangan guru.

Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru Dengan Persepsi Guru Terhadap Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum (H_{09})

Jadual 13.4

Analisis Kolerasi Pearson Hubungan Antara Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru Dengan Persepsi Guru Terhadap Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum.

		Pengurusan Kokurikulum Dalam kalangan Guru	Persepsi Guru Terhadap Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum
Pengurusan Kokurikulum Dalam kalangan Guru	Pearson Correlation Sig. (2-tailed) N		.566** .000 120
Persepsi Guru Terhadap Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum	Pearson Correlation Sig. (2-tailed) N	.566** .000 120	

Aras Signifikan $p > 0.05$

Untuk menguji hipotesis ini ujian kolerasi digunakan. Min pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru ($\min=3.131$) dan persepsi guru terhadap penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum ($\min=3.161$). Nilai perbezaan min adalah sebanyak 0.03. Manakala dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan Jadual 13.4 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ($r=0.566$), $p < 0.05$) antara pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru

dengan persepsi guru terhadap penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Hubungan ini adalah satu hubungan yang kuat. Oleh itu., H_{O9} di tolak dan H_{A9} diterima iaitu terdapatnya hubungan yang signifikan antara pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru dengan persepsi guru terhadap penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum.

Perbincangan Dapatan Kajian

Terdapat Hubungan Antara Sistem Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Dengan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru.

Dalam hipotesis ini dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan sangat kuat antara sistem pengurusan kokurikulum di sekolah dengan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru. Hubungan yang sangat kuat ini telah menolak andaian hipotesis bahawa tidak terdapatnya hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah. Ini jelas menunjukkan guru-guru yang mengurus kegiatan kokurikulum mematuhi sistem pengurusan kokurikulum yang dilaksanakan dan memahami matlamat kokurikulum.

Dapatan kajian ini bersamaan dengan pendapat yang dinyatakan oleh Abdul Alim Abd. Rahim (2004), bahawa pentadbiran, pengurus dan guru sekolah perlu merancang gerak kerja kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah. Keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah bergantung pada perancangan, strategi pelaksanaan dan penyeliaan yang teliti daripada semua pihak. Dalam kajian yang dilakukan oleh Hussien (1985) mendapati pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah bergantung kepada penekanan dan tradisi yang diamalkan oleh sesebuah sekolah. Terdapat sekolah yang mempunyai tradisi kokurikulum yang baik dan perjalanan aktivitinya adalah dirancang dengan teratur. Selain itu, guru-guru yang melaksanakan atau menguruskan kegiatan kokurikulum dengan berdasarkan sistem pengurusan kokurikulum yang dirancang, pengelolaan yang sistematik dengan kepimpinan dan pengawalan serta penilaian dapat melaksanakan kegiatan kokurikulum dengan teratur, mengikut prosedur dengan berkesan.

Tidak Terdapat Hubungan Antara Pengurusan Kokurikulum Yang Baik Dengan Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum.

Hasil daripada analisis data tentang hubungan pengurusan yang baik dalam kalangan guru dengan penyertaan pelajar menjelaskan penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum di sekolah adalah begitu lemah dan tidak wujud hubungan yang signifikan. Hipotesis nol yang mengatakan bahawa tidak terdapat hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah adalah diterima.

Ini menunjukkan walaupun pengurusan kokurikulum yang baik dalam kalangan guru namun masih belum dapat membantu meningkatkan penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sekolah. Alasan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru hanya merupakan satu faktor saja yang menyebabkan pelajar tidak menyertai kegiatan kokurikulum, walhal, mungkin terdapat faktor-faktor lain yang menyebabkan pelajar tidak menyertai kegiatan kokurikulum di sekolah. Dapatan kajian ini bersamaan dengan kajian yang dibuat oleh Lim Yen Yen dalam Mohd Sofian (2000) yang menyatakan walaupun kegiatan kokurikulum (dalam sukan) mendatangkan banyak manfaat namun masih kurang perhatian oleh para remaja dan antara faktor yang mempengaruhi remaja tersebut adalah kerana ketiadaan semangat kesukanan.

Dapatan kajian ini juga telah dapat menjelaskan objektif kajian untuk mengenal pasti pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru dalam meningkatkan penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Dalam kajian Annamalai (1994) dan Abd. Alim Abd. Rahim (1988 dan 2000) penyertaan pelajar pada awal semester sahaja kerana kebanyakan sekolah melaksanakan kokurikulum pada semester pertama persekolahan dan pada semester kedua, tumpuan diberikan kepada peperiksaan. Berdasarkan kajian tersebut maka adalah munasabah pelajar tidak melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum kerana ingin menumpukan perhatian mereka terhadap akademik. Mungkin juga ibu bapa mahu mengurangkan aktiviti kokurikulum anaknya supaya lebih tertumpu kepada akademik setelah pada awal tahun sesi persekolahan banyak di fokus kepada kokurikulum.

Tidak Terdapat Hubungan Antara Persepsi Penyertaan Pelajar dalam Kegiatan Kokurikulum Disertai Dengan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru.

Untuk melihat objektif kajian yang ingin mengenal pasti persepsi penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum di sekolah, dapatan kajian daripada analisis data tentang hubungan persepsi penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dengan pengurusan kokurikulum di sekolah juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan. Ini menjelaskan hubungan antara persepsi penyertaan pelajar terhadap pengurusan kokurikulum yang disertai adalah lemah dan perkaitan yang tidak kuat. Dapatan kajian ini membuktikan persepsi penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum di sekolah bukanlah semata-mata dipengaruhi oleh pengendalian pengurusan kokurikulum yang mereka sertai di sekolah malah mungkin juga disebabkan faktor lain.

Dapatan kajian ini berkaitan dengan Teori Jangkaan (Vroom, 1964), di mana teori ini menerangkan ramai pelajar tidak bermotivasi dalam kegiatan kokurikulum dan hanya memberi usaha yang minimum. Pelajar beranggapan, jika mereka memberikan usaha yang maksimum adakah ini akan diambil kira dalam penilaian prestasi mereka? Ini dapat dijelaskan lagi dalam teori yang dikemukakan dalam bab 2. Dapatan kajian ini juga bersamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Abd. Alim Rahim (2000) menyatakan bahawa penglibatan pelajar hanya aktif dalam bidang kokurikulum yang tertentu sahaja dan bergantung pada peraturan sekolah yang dilaksanakan ke atas mereka.

Terdapat Hubungan Antara Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru Dengan Persepsi Guru Terhadap Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum.

Hasil daripada analisis data tentang hubungan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru dengan persepsi guru terhadap penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum mempunyai hubungan yang kuat dan signifikan (rujuk Jadual 4.40). Dapatan kajian menunjukkan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru tetap dilaksanakan oleh guru-guru walaupun guru

mengetahui terdapatnya pelajar yang berminat atau tidak berminat dalam menyertai kegiatan kokurikulum yang dikendalikan oleh mereka di sekolah.

Dapatan kajian ini juga bersamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Abu Bakar Nordin (1991) yang mengatakan penyertaan para guru adalah sangat penting dan harus memastikan keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum, di samping itu berusaha untuk menarik minat pelajaranya untuk menyertai kegiatan kokurikulum dalam membuat kerja-kerja amal untuk masyarakat setempat. Menurut Rohaty Mohd Majzub (1991), kegiatan kokurikulum perlu dijalankan dengan lebih sistematik dan tersusun supaya pelaksanaannya serta pentadbiran kegiatan ini berjalan lancar dan para pelajar haruslah bijak mendisiplinkan diri serta membahagikan masa dengan baik bagi mengurangkan kecenderungan mereka untuk terlibat dengan kegiatan yang tidak baik.

Implikasi Kajian

Daripada keputusan yang diperolehi beberapa implikasi dapat dirumuskan untuk pengetahuan pihak-pihak tertentu. Dapatan kajian ini dapat memberi maklumat dan dapat membantu pihak sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan dalam sistem pengurusan kokurikulum di sekolah dengan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru yang melaksanakan kegiatan kokurikulum. Dapatan kajian jelas menunjukkan guru-guru melaksanakan pengurusan dan kegiatan kokurikulum yang dipertanggungjawabkan dengan baik dan mengikut serta mematuhi sistem pengurusan yang diarahkan oleh pihak pentadbir sekolah.

Dapatan kajian juga menunjukkan penyertaan pelajar yang kurang memuaskan bukanlah dipengaruhi oleh pengurusan kokurikulum di sekolah mahupun dalam kalangan guru-guru. Mungkin terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum yang mungkin tidak diketahui oleh pihak sekolah mahupun guru-guru. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan pengurusan kokurikulum dalam

kalangan guru dengan berdasarkan jantina. Baik guru lelaki mahupun guru perempuan telah melaksanakan pengurusan kokurikulum dengan mengikut kemampuan dan tahap pengetahuan masing-masing. Begitu juga dengan kepuasan kerja, guru-guru telah melaksanakan pengurusan dan kegiatan kokurikulum dengan baik sekali tanpa ada sebarang tekanan daripada pihak pentadbir, rakan setugas, pelajar mahupun masyarakat sekeliling.

Akhir sekali kajian ini, memberi informasi kepada guru-guru dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum di sekolah. Dengan wujudkan suasana aktiviti kokurikulum yang meriah secara tidak langsung keadaan kemeriahan ini memberi dorongan kepada mereka untuk berusaha lebih bersungguh-sungguh dan komited untuk mempertingkatkan prestasi diri.

Cadangan

Dalam usaha memantapkan lagi pelaksanaan kokurikulum agar dapat menarik minat pelajar untuk menyertainya dengan lebih menyeluruh seterusnya mencapai hasrat kerajaan Malaysia agar dapat melahirkan generasi kelas pertama melalui PIPP, maka Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) seharusnya memainkan peranan penting untuk menjayakan pelaksanaan kokurikulum ini. Pertama, KPM hendaklah menetapkan garis panduan pengurusan kokurikulum yang sistematik agar menjadi rujukan kepada guru-guru sekolah yang melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah. Kedua, mengadakan kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang kokurikulum khasnya pengurusan sesuatu kegiatan kokurikulum yang dikendalikan oleh guru dengan sebanyak mungkin dan terkini. Ini secara tidak langsung dapat memberi kemahiran kepada guru-guru yang tidak mahir dengan kegiatan kokurikulum yang mereka kendalikan di sekolah.

Pihak Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), seharusnya lebih kerap membuat pemantauan yang berkesan dan berterusan ke sekolah-sekolah dan memastikan kegiatan kokurikulum dilaksanakan dengan mengikut jadual waktu yang sistematik dan memastikan aktiviti kokurikulum yang diprogramkan dan dilaksanakan di sekolah menepati dasar dan falsafah pendidikan kebangsaan serta

mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan serta menepati fungsinya. Pihak sekolah pula khususnya pentadbir sekolah dan guru, perlu peka dengan pelaksanaan kegiatan kokurikulum dan memastikan pengurusan kokurikulum berjalan dengan lancar. Selain pengetua, penolong-penolong kanan khususnya penolong kanan kokurikulum boleh membuat perancangan strategik untuk jangka masa pendek atau panjang dalam usaha untuk mencapai visi, misi, matlamat dan objektif yang ingin dicapai dalam bidang kokurikulum.

Pengagihan tugas yang sesuai mengikut kemahiran guru-guru dalam kegiatan kokurikulum juga dapat membantu pengurusan kokurikulum dengan lebih berkesan. Oleh itu, pihak pentadbir sekolah seharusnya peka dengan kemahiran dan bakat yang ada pada anak buahnya sama ada guru-guru dan juga pelajar serta mengadakan kursus-kursus kokurikulum untuk guru dan pelajar atau sentiasa mengalakkan warga sekolah menyertai program-program yang dianjurkan di sekolah ataupun di luar sekolah.

Cadangan untuk guru-guru pula ialah guru-guru haruslah bersedia dan berfikiran terbuka dalam menerima sebarang tugas atau tanggungjawab yang diberi terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan kokurikulum. Guru-guru yang tidak berkemahiran dalam bidang kegiatan kokurikulum yang dikendalikannya seharusnya bersikap positif dan cuba untuk memahami akan pengurusan kokurikulum tersebut. Guru-guru boleh meluaskan pengetahuannya dengan membaca bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan pengurusan kokurikulum yang dikendalikan. Kerjasama serta bantu-membantu dalam kalangan guru mahir dengan guru yang tidak mahir juga boleh melancarkan pelaksanaan kegiatan kokurikulum.

Pelajar merupakan aset utama dalam pelaksanaan kokurikulum di sekolah. Penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum secara menyeluruh adalah amat penting. Seperti apa yang dinyatakan oleh pendapat-pendapat tokoh, pelaksanaan kegiatan kokurikulum tidak akan berjaya jika tidak ada penyertaan yang menyeluruh daripada pelajar. Oleh itu antara cadangan untuk pelajar ialah, pelajar seharusnya didedahkan dengan maklumat-maklumat tentang kebaikan-kebaikan, kepentingan-kepentingan penglibatan dan penyertaan mereka dalam kegiatan kokurikulum di sekolah.

Penghargaan yang sewajarnya perlu diberikan kepada pelajar yang aktif dan ini secara tidak langsung dapat menarik minat kepada dan seterusnya menjadi contoh. Pelajar yang aktif hendaklah diberi bantuan daripada segi kewangan dan juga kelengkapan untuk memudahkan lagi pelajar tersebut aktif dalam kegiatan kokurikulum yang diminatinya.

Penutup

Adalah diharapkan hasil kajian ini dapat memberi gambaran kepada warga pendidik yang dianggap sebagai penjana modal insan bahawa pengurusan kokurikulum yang mantap, sistematik dan mengikut garis panduan yang ditetapkan akan dapat meningkatkan penyertaan anak didiknya untuk menjadi generasi kelas pertama pewaris negara yang lebih berdaya saing, progresif, produktif dan seterusnya menjadi modal insan seperti yang diharapkan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 - 2010.

RUJUKAN

- Abd. Alim Abdul Rahim, (1995). *Hubungan Antara Penyertaan Pelajar Gerak Kerja Kokurikulum Dengan Pencapaian Akademik Dan Penghargaan Kendiri di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah, Pulau Pinang*. Di Daerah Kota Bahru Kelantan. Universiti Sains Malaysia.
- Abd. Alim Abdul Rahim. (1984). *Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.
- Abd. Alim Abdul Rahim. (1999). *Pengurusan Kokurikulum dan Badan Beruniform*. Shah Alam. Penerbit Fajar Bakti.
- Abd. Alim Abdul Rahim. (2004). *Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum*. Selangor Darul Ehsan: Penerbit Fajar Bakti Shd. Bhd.
- Abd. Aziz Yusof. (2002). *Pengurusan Sumber Manusia: Konsep Isu dan Pelaksanaan*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Abdul. (1991). *Pengurusan Organisasi Perspektif Pemikiran Dan Teori*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Sani Yahaya. (2005). *Mengurus Sekolah*. Kuala Lumpur. Penerbit PTS Professional Publishing sdn Bhd.
- Abu Bakar Nordin. (1991). *Kurikulum Perspektif dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka.
- Aziziah Nordin. (1990). *Mengenalpasti Masalah Dalam Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum Di Tiga Buah Sekolah Menengah Daerah Gombak*. Kuala Lumpur. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chau Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill.
- Chau Yan Piaw. (2006). *Asas Penyelidikan Buku 2*. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill.
- Davis J.A. (1971). *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall Inc.

- Gay, L.R, Airasian,P. (2003). *Eductional Research: Competencies For Analysis And Application*. [7th Edi.] Meril Prentice Hall.
- Hanafiah K. (1990), *Implikasi Beberapa Teori kepada Kepimpinan di Sekolah*. Suara Pendidikan. 2 : 32-40.
- Hussien Mahmood. (1985). *Program Kokurikulum Di Sekolah : Satu Analisis Kertas Seminar Kebangsaan Mengenai Kokurikulum*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Jakrin Bin Basiran. (2004). *Tahap Keikutsertaan Dalam kegiatan Kokurikulum: Kajian Kes Terhadap Murid-murid Tingkatan 4 di SMK Inanam di daerah Kota Kinabalu*. Disertasi Sarjana Pengurusan Pendidikan. Universiti Malaysia Sabah.
- Kamariah Bt. Mohd. Sidek. (1986). *Organisasi dan Pelaksanaan Program Kokurikulum di Sekolah Menengah: Beberapa Masalah dan Rangka Penyelesaian*. Kuala Lumpur:Universiti Malaya, Kuala Lumpur (Tidak diterbitkan).
- Kementerian Perkenalkan Borang Standard Kokurikulum. [Online] Available http://www.tutor.com.my/tutor_dunia.asp?y=2007&dt=0619&pub=Dunia Pendidikan & see=Dimuat turun 02 September 2007.
- Kamus Dewan Edisi ke-4. (2005). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lougheed, J. (2000). *Attitudes Toward Women Leader Analyzed by Gender and Occupations*. Advancing Women in Leadership Journal. 3 (1).
- Marshall,C. (1999). *The Career Socialization of Women in Shool Administration*. New York : Macmillan Publishing Compony.
- Mohd. Fuad Razali. (2007). Guru Penjana Modal Insan. *Majalah Pendidikan*. Mei: 8-12
- Mohd Majid Konting, (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Rais Bin Abdul Karim. (2001). *Pengurusan Tenaga dan Sumber Dalam Meningkatkan Produktiviti Guru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Sofian Omar Fauzee, Amiruddin Yusuf. (2000). *Kokurikulum : Peranan dan Implikasi*. Kuala Lumpur. Penerbit Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd. Sofian Omar Fauzee, Amir Yusuf. (2003). *Kepentingan Dan Aktiviti Kokurikulum Di sekolah*. Shah Alam. Penerbit Karisma Publications Sdn Bhd.
- Omardin Ashaari. (1996). *Pengurusan Sekolah: Suatu Panduan Lengkap*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Omar Mohd. Hashim. (1991). *Pengisian Misi Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pembangunan Modal Insan Dalam PIPP*. Majalah Pendidik. Mei: 13-17).
- Prof. Madya Dr. Azizi Hj. Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Abd. Mutahalib. _____. *Keberkesanan Aktiviti Kokurikulum (Sukan): Perbandingan di antara Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Akademik Harian*. Johor: UTM Skudai Johor.
- Rahmah Binti Awang Besar. (2004). *Pengurusan Kurikulum Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Di Sekolah Menengah Di Daerah Kota Kinabalu*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Ramlan Abdul Wahab. (2004). *Panduan Pengurusan Kokurikulum Di sekolah*. Kuala Lumpur. Penerbit Banter Sdn Bhd.
- Rohaty Mohd. Majzub, T.Subahan Mohd. Merah, Faridah Karim & Ahmad Jefrfri Hassan. (1987). *Disiplin Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur. Nurin Enterprise.
- Shafiee Hj. Lugom. (2002). *Penilaian Program Pendidikan: Model-Model Yang Relevan*. Jurnal Wacana Profes. (2) : 4-9.
- Sidek Mohd. Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang. Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Vroom, V.H. (1964). *Work And Motivation*. New York: John Wiley
- Wan Azmi Ramli. (1994). *Pengurusan Masa Kini* : Edisi ke Empat. Selangor : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Wee Eng Hoe. (1994). *Organisasi Dan Pentadbiran Sukan Dan Pendidikan Jasmani*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Yusof Man. (1983). *Sejauh Manakah Penglibatan Murid-murid Dalam Gerak Kerja di Sekolah Mempengaruhi Pencapaian Akademik*. Tesis tidak diterbitkan Bachelar Pendidikan UPM 1983. Selangor : UPM.
- Zainal Abidin Mohamed. (1999). *Pengurusan Strategik di Sektor Pendidikan*. Serdang. Penerbit Universiti Putra Malaysia.

